

Kaedah kajian perlu dijelaskan

Dakwaan 80 peratus kanak-kanak tonton pornografi sesuatu yang serius

SERDANG

Malaysians Against Pornografi (MAP) perlu memberikan pencerahan mengenai metodologi kajiannya yang mendapati bahawa pada 2018 kira-kira 80 peratus kanak-kanak berusia antara 10 hingga 17 tahun menonton pornografi secara sengaja.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, cara kajian berkenaan dilaksanakan perlu diperjelaskan secara terperinci.

"Memanglah keputusan itu sesuatu yang membimbangkan. Namun dapatan itu perlu diuraikan dari segi bagaimana kajian itu dilakukan seperti berapa kecil atau berapa besar kajiannya? Bagaimana MAP mendapatkan keputusan begitu. Keputusan seperti itu, bagaimana MAP dapat?," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai laporan media semalam bahawa kira-kira 80 peratus kanak-kanak berusia 10 hingga 17 tahun menonton pornografi secara se-

ngaja.

Beliau ditemui selepas merasmikan Seminar Sukarelawan Hospital Kebangsaan di Fakulti Perubatan dan Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Tambah Dr Wan Azizah, beliau turut bertanya kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan sumber lain mengenai keputusan kajian MAP.

Jelas beliau, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberi perhatian serius kepada isu kanak-kanak yang terdedah kepada pornografi di alam siber.

- Bernama



Wan Azizah (dua, kanan) melawat pameran selepas merasmikan Seminar Sukarelawan Peringkat Kebangsaan di UPM, semalam.